

28/04/2001

Pemuda selar penyebar fitnah terhadap Mokhzani

KAJANG, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyelar tindakan golongan tertentu yang selama ini melemparkan tohmahan bagi mengaut keuntungan politik daripada pembabitian Datuk Mokhzani Mahathir dalam Umno.

Penolong Setiausaha Pemuda, Zulkifli Mohd Alwi, berkata Pemuda Umno meminta golongan terbabit supaya berhenti memanjangkan budaya melempar tohmahan kerana ia turut membabitkan ahli Umno yang mempunyai hubungan dengan Mokhzani.

Beliau berkata, sekiranya keadaan itu terus berlaku, ia akan menimbulkan pelbagai sangkaan buruk terhadap Umno terutama Pemuda yang kini cuba memperbaiki imej dan corak perjuangan.

"Golongan ini perlu sedar dengan tidak menjadikan individu tertentu sebagai sasaran untuk dijadikan bahan tohmahan sehingga merosakkan imej serta reputasi Umno dan ahli," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Zulkifli berkata, pengunduran Mokhzani daripada dunia korporat dengan melepaskan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pantai Holdings Berhad dan Tongkah Holdings Berhad juga tidak ada kena mengena dengan ahli Pemuda.

"Saya tidak fikir beliau berselisih faham antara ahli Pemuda tetapi pengundurannya mungkin sebagai tanda pengorbanan untuk mengelakkan perkara ini (tohmahan) berlanjutan," katanya.

(END)